

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Lafarge labur RM5 juta bina CDL pertama di Asia Tenggara	Utusan Malaysia
2.	Lafarge Malaysia launches construction development lab	New Straits Times
3.	Lafarge to build RM5mil laboratory	The Star
4.	'Good' API readings	New Straits Times
5.	El Nino bukan sekadar panas luaran	Harian Metro
6.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga Jumaat	BERNAMA
7.	Gempa bumi sederhana landa Irian Jaya, Indonesia	BERNAMA
8.	Piala Dunia: Peminat harus elak tonton perlawanan di kawasan terbuka	Berita Harian Online
9.	Poverty alleviation, the Felda way	New Straits Times
10.	Dept gives free helmets, vests	New Straits Times Online

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)**



**DR. Abu Bakar (tengah) bersama Bradley Mulrone (kiri), Naib Presiden Lafarge, Shirley Low (kanan) menunjukkan tangan yang dicelup pada simen sempena pelancaran makmal CDL pertama syarikat itu di Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN**

## Lafarge labur RM5 juta bina CDL pertama di Asia Tenggara

**Oleh NABILA YASMIN RAZIB**  
ekonomi@utusan.com.my

PETALING JAYA 23 Jun - Lafarge Malaysia (Lafarge) memperuntukkan sejumlah RM5 juta bagi membina makmal pembangunan pembinaan (CDL) yang pertama di Asia Tenggara terletak di Petaling Jaya, Selangor, dalam usaha membuktikan kesungguhan syarikat ke arah membina bandar raya unggul di Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Lafarge, Bradley Mulrone berkata, CDL tersebut merupakan yang keenam di dunia dan syarikat menyasarkan untuk

mempertingkatkan kecekapan pembinaan dengan menyediakan penyelesaian inovatif bagi memenuhi keperluan sektor pembinaan tempatan.

Menurutnya, CDL tersebut membolehkan pihaknya menguji, menyesuaikan serta mereka bentuk teknologi inovatif yang dibangunkan oleh pusat penyelidikan kumpulan.

Ujarnya, setiap tahun Kumpulan Lafarge memperuntukkan lebih daripada RM500 juta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di Lyon, Perancis.

"Makmal ini juga bertindak sebagai hab bagi syarikat untuk

bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memahami keperluan dan cabaran industri pembinaan tempatan dengan lebih mendalam," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan CDL pertama di Asia Tenggara, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Mulrone berkata, CDL berkenaan menempatkan tiga buah makmal iaitu makmal simen, konkrit dan agregat dengan peralatan pengujian tercanggih bagi kawalan dan jaminan mutu produk-produknya.

# Lafarge Malaysia launches construction development lab

FOO EU JIN

**PETALING JAYA:** Lafarge Malaysia Bhd launched its construction development laboratory (CDL), the first in Southeast Asia, demonstrating the company's commitment to "building better cities" in Malaysia.

The CDL, the sixth in the world, is strategically located in the Klang Valley and aims to promote construction efficiency by adapting innovative solutions to better meet Malaysian construction and building needs.


Lafarge Malaysia president and chief executive officer Bradley Mulroney said the company is committed to contributing towards sustainable construction by providing the Malaysian construction industry, with solutions that can help promote construction efficiency.

"The CDL will enable us to test, adapt and tailor innovative solutions developed by the group's research centre in Lyon, France. This will accelerate the development and delivery of offerings to better meet local construction needs.

"Lafarge Malaysia expects to host experts from Lyon on a regular basis, who will be instrumental in technology transfer to Malaysia.

"Through the CDL, Lafarge is able to tap into its group's global experience and technical know-how for the benefit of the local construction industry," Mulroney said at the CDL launch, here, yesterday.

He said the CDL will also serve as a collaboration hub for Lafarge Malaysia to work closely with stake-



(From left) Lafarge Malaysia president and chief executive officer **Bradley Mulroney**, Deputy Minister of Science, Technology and Innovation **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** and Lafarge vice-president of marketing **Shirley Low** at the CDL launch yesterday. Pic by Saddam Yusoff

holders to further understand local needs and challenges.

"Architects, developers, engineers and others can come together to participate in the development and

testing of new ideas and solutions. The company plans to partner local universities to allow students to use its CDL in boosting concrete technology."

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 13  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)



A hazy view of Kuala Lumpur, which recorded an Air Pollutant Index reading of 82 at 11am yesterday. Pic by Sairien Nafis

## 'Good' API readings

**KUALA LUMPUR:** Despite the haze, most areas nationwide recorded "good" Air Pollutant Index (API) readings, with the exception of Port Klang.

In Port Klang, the API as of 11am was an "unhealthy" 104.

Meanwhile, good and moderate readings were seen in other areas in Klang Valley and nationwide.

Meteorological Department commercial and corporate services division director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the haze was because of local pollution and low rainfall, which contributed to a thin layer of haze occurring in certain areas.

"The haze is likely because of local activities, such as smoke emitted from factories, vehicles and airborne dust.

"The situation is still under control and is not too serious at present.

The wind has been quite strong, greater than 10 knots per hour for the past couple of weeks since the dry spell began early this month," said Hisham.

He said the strong wind helped disperse the haze, but warned if the wind weakened, the haze became stagnant.

"However, the bad haze we experienced yesterday morning was because of slower wind speeds. The situation gradually improved as the wind speed picked up.

"We will continue to monitor the situation and measures will be taken if API readings continue recording unhealthy conditions after 72 hours."

He said the nation would not be expecting rainfall until next week, except for isolated showers in inland areas because of the southwest monsoon season.

Meanwhile, the department is monitoring the El Nino phenomenon by getting information from international research centres, such as the Japan Meteorological Agency, United States' National Oceanic and Atmospheric Administration Climate Prediction Centre and the Australian Bureau of Meteorology.

"Any developments will be announced to the authorities for further action," said Hisham.

"Malaysia would be experiencing less rainfall during the southwest monsoon.

"During this season, we will experience a low rainfall of between 75mm and 150mm this month in the peninsula, which is 20-40 per cent lower than normal."

The southwest monsoon season, which began late May, will continue till early September.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (MINDA): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)



Oleh Dr Aminudin Mansor

## El Nino bukan sekadar panas luaran

**B**ahang panas sudah mulai terasa. Mungkinkah ia fenomena El Nino atau cuaca panas yang melampau? Semuanya adalah dugaan menjelang Ramadan. Ini juga menguji jiwa dan minda kita supaya sentiasa sabar. Fenomena cuaca panas ini walaupun sudah biasa dihadapi oleh penduduk di negara ini tetapi langkah berjaga-jaga perlulah dilakukan.

Cuaca panas juga boleh menyebabkan manusia meradang, berang dan pelbagai penyakit serta tidak dapat mengawal kemarahan apabila badan dan darah sudah meluap. Ada yang mengatakan bahang kepanasan ini sebagai proses pembentukan fenomena El Nino sudah bermula. Cuaca panas ini dijangka berakhir September depan.

El Nino dikatakan semakin kerap berlaku pada abad ini. Ia boleh membawa kesan teruk kepada penghidupan dan alam sekitar. Masalah kekurangan bekalan air yang berlaku di seluruh negara ketika ini dikatakan berpunca daripada kesan ketara dilalui akibat El Nino.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) Datuk Che Gayah Ismail dilaporkan berkata, purata suhu di kebanyakan tempat masih kekal pada paras normal dengan tertinggi 35 darjah Celsius, terutama di Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perlis.

Katanya, Monsun Barat Daya yang bermula sejak 15 Mei lalu turut menyumbang kepada peningkatan suhu.

Beliau berkata, El Nino terjadi apabila berlaku peningkatan suhu lebih tinggi daripada biasa di permukaan Lautan Pasifik berdekatan Garisan Khatulistiwa iaitu melebihi 0.5 darjah Celsius.

Malaysia pernah mengalami El Nino 17 tahun lalu yang menyebabkan jerebu, kemarau dan kebakaran serta kepanasan melampau sehingga suhu meningkat melebihi 40 darjah Celsius.

Pelbagai langkah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menghadapi El Nino jika keadaan ini berlaku. Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merancang inisiatif bersama agensi berkaitan dalam menjamin bekalan makanan asas rakyat di negara ini tidak terjejas jika El Nino berterusan.

Jika dikaji dan diteliti kepanasan ini ada kaitan dengan perbuatan manusia yang rakus, tamak dan tidak memikirkan bahawa alam ini

perlu diwariskan kepada generasi akan datang.

Fenomena ini juga berkait rapat dengan aktiviti manusia memusnahkan alam sekitar dan melakukan pencemaran.

Penebangan pokok dan hutan juga menyumbang kepada kepanasan. Oleh itu, pihak kerajaan negeri yang pernah mengalami krisis bekalan air bersih diharapkan selalu meninjau dan memantau takungan air di empangan agar tidak mengalami kekeringan.

Cuaca sekarang memang terasa kepanasannya di mana-mana, sampaikan pemain bola Piala Dunia 2014 di Brazil juga terasa bahang kepanasannya. Tumpuan kepada permainan di padang juga dikatakan terganggu.

Disebabkan kepanasan juga, kebakaran mudah berlaku jika perokok tidak berhati-hati, termasuk membuang puntung rokok di merata tempat.

Kajian psikologi mendapati, cuaca panas mempengaruhi emosi manusia. Oleh itu, dalam menghadapi dugaan cuaca panas ini kita

mestilah banyak bersabar, bertolak-ansur, jangan mudah marah dan juga tidak bertindak mengikut perasaan hingga menyebabkan berlaku perkara yang tidak baik.

Disebabkan cuaca panas manusia boleh bertindak di luar pemikiran dengan memarahi orang lain. Janganlah hendaknya kita termasuk dalam golongan ini, terutama ketika memandu di jalan raya yang sesak.

Kesabaran adalah penyejuk kepada segala kepanasan. Akibat cuaca panas juga menyebabkan kemarau di beberapa tempat dan menyebabkan krisis air berlaku.

Sabar dan sentiasa bersedia menghadapi apa juga ancaman akibat fenomena musim panas ini adalah langkah yang terbaik. Elakkan diri terdedah cuaca panas selain mengelakkan pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan jerebu.

Dalam hal ini, ingatlah pesan Nabi SAW yang bermaksud: "Sabar yang sebenarnya adalah sabar pada saat bermula ditimpa musibah." (Riwayat Al Bukhari)

Cerdik pandai ada mengatakan, anda jangan terlalu menginginkan semua berlangsung seperti yang anda kehendaki, tetapi sabarlah dengan kejadian yang berlaku sebagai apa yang sudah berlaku dan berdoa sehingga anda tetap tenang, sabar dan tenteram dalam kehidupan.

Penulis berkelulusan PhD  
Persatuan Melayu

**Sabar yang sebenarnya adalah sabar pada saat bermula ditimpa musibah"**

Riwayat Al Bukhari

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)**



## **Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Jumaat**

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Keadaan angin kencang barat daya dan laut bergelora di perairan Perlis dan Kedah diramal berterusan sehingga Jumaat ini.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), angin dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora kategori dua turut diramal melanda perairan Phuket sehingga Jumaat dengan kelajuan angin antara 50 hingga 60 kmsj dan ombak setinggi 4.5 meter.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)



## Gempa Bumi Sederhana Landa Irian Jaya, Indonesia

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.0 skala Richter melanda Irian Jaya, Indonesia pada 11.13 Isnin malam.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat 179km barat daya Jayapura, Indonesia dan 2,446km tenggara Semporna Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



## Piala Dunia: Peminat harus elak tonton perlawanan di kawasan terbuka

2014/06/24 - 01:19:27 AM

KUALA LUMPUR : Peminat tempatan yang menonton perlawanan Piala Dunia di kawasan terbuka pada awal pagi perlu lebih berwaspada berikutan kualiti udara di beberapa kawasan di negara ini terus mencatatkan penurunan.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat dicatatkan di daerah Banting Selangor dengan bacaan IPU 107 berdasarkan rekod [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) sehingga jam 11 malam tadi.

Sementara itu, beberapa kawasan mencatatkan bacaan IPU sederhana, iaitu Bukit Rambai, Nilai dan Seremban (89), Bandaraya Melaka (92), Port Dickson (97) serta IPU 94 dicatatkan di Balok Baru, Kuantan, menghampiri bacaan tidak sihat.

IPU pada tahap antara 0-50 adalah baik, sederhana (51-100), tidak sihat (101-200), sangat tidak sihat (201-300) dan berbahaya (lebih 301).

Semua perlawanan Piala Dunia di Brazil yang bermula 12 Jun lalu berlangsung awal pagi berdasarkan waktu tempatan bermula jam 12 tengah malam hingga 6 pagi.

Awal pagi ini, saingan bola sepak berprestij itu di teruskan dengan beberapa perlawanan menarik, antaranya yang sedang berlangsung, Belanda menentang Chile di Arena Corinthians, Sao Paulo.

Turut menyaksikan pertemuan menarik, perlawanan antara pasukan tuan rumah, Brazil menentang Cameroon serta Mexico bertemu Croatia jam 4 pagi ini.



# Poverty alleviation, the Fel-da way

**SUCCESS STORY:** The model of sharing profits with original settlers is key to scheme's sustainability

**T**HE World Cup is now a hot topic. All are feeling the heat of this four-yearly football fever. And, almost every time, the FIFA World Cup never fails to grip the world with its controversy. It is even hotter now that Brazil is host to the competition.

Not just because Brazil has always been the hot favourite at every World Cup, but, more because it has been a constant feature in the global debate on sustainability and the emerging economic powerhouse.

The country has been on the world map for a number of reasons. Now, fresh stories have emerged assessing Brazil's struggle to reduce the rich-poor gap.

Though this still remains a challenge, as demonstrated in the days before the competition, the popular verdict is that Brazil has made

impressive progress. Their numbers tell of a definite improvement in the country's wealth distribution, thanks to strategic actions taken by the country's leaders in recent years.

Here at home, Malaysia has also received worldwide attention in a number of success stories dealing with poverty alleviation and the equitable distribution of wealth.

The Fel-da (Federal Land Development Authority) model of rural development is definitely one which has gained global recognition.

Many countries looking for viable solutions to the challenge of reducing the incidence of poverty among their population have taken the initiatives to emulate Fel-da.

We must thank our leaders of the early years for having the foresight to create Fel-da. And the formula is quite simple. It is a case of sharing

resources and responsibility.

The government would put up a parcel of new land. Decision is then taken on a crop to cultivate based on professional advice from the nation's crop experts. It started with rubber. But over the years, this has shifted to oil palm.

Each family selected for the programme is allocated ten acres each to work on the land. In addition, each family is given another plot of land for dwelling and subsistence.

The actual development of the land and the crop is managed by professionals working under Fel-da. The result is for all to see.

The participants in the scheme have benefited enormously from the arrangement not only in terms of better income, but, more importantly, better educational opportunities for their children. Many have now assumed key positions in both government and business.

But, Fel-da did not limit its investment only to planting oil

palms. Instead, it ventured into processing and other downstream activities to further add value to the crop.

The beauty of the whole scheme is that the profits from the value-added business are also shared with the original planters or settlers, as they are often referred to.

This explains why the scheme could be sustained over many decades. There have been hiccups, most have been overcome.

One challenge concerns the opting out by settlers once they take possession of the land. Some have been persuaded for whatever reasons to sell their crops outside the Fel-da net-

work.

If this is not handled properly, this can negatively impact on the key principles of the Fel-da arrangement, which is unfortunate. This is because the success of Fel-da is premised on the effective utilisation and sharing of management and processing resources.

Recent years have also seen Fel-da moving more aggressively to tap on the business potential not only further downstream, but also investing beyond Malaysia's shores.

The listing of FGV, Fel-da Global Ventures, did invite some concerns from certain groups. Though admittedly there are some negative implications of such a move, those in the know recognise the fact that the positives far outweigh the downside.

As a country with a comparatively small domestic market, investing overseas is an option that Fel-da should not avoid if it is to witness further expansion in its assets and capital.

Ultimately, such ventures will eventually deliver benefits to the Fel-da settlers.

No doubt there are risks involved here. But, these are risks which can be managed.

At the end of the day, what is important is Fel-da should deliver a sustained solution to poverty alleviation. Fel-da is no doubt a success story that we all should be proud of.



**Dr Ahmad Ibrahim**  
is fellow of the  
Academy of  
Sciences Malaysia

BERITA ONLINE  
NEW STRAITS TIMES ONLINE  
TARIKH: 24 JUN 2014 (SELASA)

## NEW STRAITS TIMES ONLINE

# Dept gives free helmets, vests

By [MUHAMAD SYAKIR ABDUL WAHAB](#) - 24 June 2014 @ 8:01 AM

GEORGE TOWN: Many motorcyclists were pleasantly surprised when they were stopped by police and state Road Transport Department in Jalan Sultan Ahmad Shah here recently.

Instead of checks for driving licence and road tax, as it is usually the case with many roadblocks, the motorcyclists were all smiles when they were given a new crash helmet each.

Many also received safety vests from the officers manning the "special" roadblock organised by the Road Safety Department.

According to Road Safety Department director-general Datuk Dr Tam Weng Wah, more than 60 per cent of road fatalities involved motorcyclists.

He said most of the motorcyclists succumbed to head injuries due to poor crash helmet quality.

"Many unsafe crash helmets are available in the market. Many motorcyclists, too, are found using old crash helmets which are no longer safe for use due to wear and tear.

"Crash helmets should be changed after five years," he said when launching the road safety campaign for motorcyclists.

Tam advised the public, especially motorcyclists, against buying crash helmets which do not meet the standards set by [Sirim \(Standard and Industrial Research Institute of Malaysia\)](#).

He said they should also wear them properly and not use visors that do not meet Sirim's specifications.

"The use of proper crash helmets and wearing them correctly is a must for all motorcyclists.

"We should not take this lightly because head injuries usually end with serious health conditions and could also be fatal," he said.

A total of 150 new crash helmets and 80 safety vests were given away by Tam during the two-hour campaign.

One recipient was Mohd Abu Baker Shahul Hamid.

The 61-year-old was happy to receive a new crash helmet because the one he was using was old.

“I have used my crash helmet for about five years. I had planned to get a new one, but thanks to the department, I have one now.

“Thank you very much,” he said.

Another lucky motorcyclist, Mohd Rizwan Md Ezadin, 37, said he would keep the new crash helmet for his siblings since his present headgear was still quite new and is certified by [Sirim](#).

“Safety vests are also important for motorcyclists, especially when riding at night,” said the despatch rider.